



20 Mei 2016
20 May 2016
P.U. (A) 135

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN
(PENGURUSAN PERSENDIRIAN) (PUNGUTAN TOL)
[LEBUH RAYA JITRA-SUNGAI DUA (BUTTERWORTH)]
(PINDAAN) 2016

*FEDERAL ROADS (PRIVATE MANAGEMENT)
(COLLECTION OF TOLLS) [JITRA-SUNGAI DUA
(BUTTERWORTH) EXPRESSWAY] (AMENDMENT)
ORDER 2016*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN-JALAN PERSEKUTUAN(PENGURUSAN PERSENDIRIAN) 1984

PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN)
(PUNGUTAN TOL) [LEBUH RAYA JITRA-SUNGAI DUA (BUTTERWORTH)]
(PINDAAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 [*Akta 306*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) [Lebuh Raya Jitra-Sungai Dua (Butterworth)] (Pindaan) 2016**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 12 Januari 2012.

Pindaan Perenggan 2

2. Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) [Lebuhraya Jitra-Sungai Dua (Butterworth)] 1993 [*P.U. (A) 229/1993*], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam perenggan 2—

(a) dalam subperenggan (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan “Projek Lebuhraya Utara-Selatan Berhad” dengan perkataan “Projek Lebuh Raya Usahasama Berhad”;

(ii) dengan menggantikan perkataan “1hb September 1993 sehingga 31hb Mei 2018” dengan perkataan “12 Januari 2012 sehingga 31 Disember 2038”; dan

(iii) dengan menggantikan perkataan “ruang (2)” dengan perkataan “ruang (1)”.;

(b) dalam subsubperenggan (1)(i) dengan memotong perkataan “mengikut tahun-tahun konsesi yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual itu”; dan

(c) dalam subsubperenggan (1)(ii), dengan memotong perkataan “mengikut tahun-tahun konsesi yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual itu”.

Penggantian Jadual Pertama

3. Perintah itu dipinda dengan menggantikan Jadual Pertama dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL PERTAMA

[Subperenggan 2(1)]

KADAR TOL BAGI TEMPOH DARI 12 JANUARI 2012 HINGGA 31 DISEMBER 2016

<i>(1)</i> <i>Kelas Kenderaan</i>	<i>(2)</i> <i>Tol Kena Dibayar</i> <i>(RM)</i>
1. Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan tiga atau empat roda (kecuali teksi dan bas)	1.60
2. Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan lima atau enam roda (kecuali bas)	2.30
3. Kenderaan yang mempunyai tiga gandar atau lebih (kecuali bas)	3.10
4. Teksi	0.80
5. Bas	1.20

Bagi maksud mengira bilangan gandar dan roda sesebuah kenderaan, gandar dan roda mana-mana treler yang ditarik oleh kenderaan itu hendaklah dikira sebagai sebahagian daripada gandar dan roda kenderaan itu.”.